

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY  
[BACHOK]  
TARIKH :  
SOALAN :**

**YB Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan statistic kes demam denggi mengikut negeri bagi tahun 2015 dan apakah langkah yang diambil bagi mengekang merebaknya demam denggi.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada tahun 2015, jumlah kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan adalah 120,836 kes iaitu meningkat sebanyak 11.2% (12,138 kes) berbanding tahun 2014 (108,698 kes). Perincian kes demam denggi di Malaysia dan mengikut negeri bagi tahun 2015 adalah seperti di Lampiran 1.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi mengurangkan kes dan wabak denggi adalah seperti berikut:-

- i. Mengambil langkah-langkah preventif membanteras denggi dengan penglibatan secara bersepadu lain-lain kementerian dan agensi melalui penubuhan Pasukan Petugas Khas Denggi Peringkat Kementerian sejak bulan Julai 2014. Jawatankuasa ini turut dianggotai oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCorp). Dalam Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Denggi ini, KKM mengesyorkan kepada pihak berkenaan untuk menambah kemudahan bagi pembuangan sampah, meningkatkan kutipan sampah iaitu sekurang-kurangnya tiga kali seminggu serta mengatasi masalah pembuangan sampah haram melalui pengawasan berterusan, membersihkan kawasan sampah haram serta meningkatkan aktiviti penguatkuasaan di kawasan-kawasan yang dikenalpasti.
- ii. Menubuhkan Pasukan Petugas Khas Denggi pada peringkat negeri yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar atau diwakilkan kepada Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau Exco Kesihatan dengan kerjasama pelbagai jabatan dan juga agensi.
- iii. Bagi setiap kes dan wabak yang dilaporkan, aktiviti pencegahan dan kawalan denggi hendaklah dilaksanakan oleh pihak KKM dan PBT diperingkat daerah. Penyelarasan aktiviti perlu dilakukan antara PBT dan PKD terlibat agar kekurangan sumber seperti tenaga kerja, peralatan dan sebagainya dapat diatasi.
- iv. Menjalankan aktiviti kawalan denggi secara bersepadu dan meningkatkan penglibatan agensi lain dalam menjalankan aktiviti pencegahan denggi mengikut bidang kuasa masing masing.

- v. Meningkatkan aktiviti penguatkuasaan di tapak-tapak binaan melalui kerjasama antara JKN, CIDB, JKPP dan juga PBT.
- vi. Menjalankan aktiviti pembersihan kawasan tanah atau lot kosong yang terdapat di lokaliti wabak atau hotspot dengan penglibatan PBT dan agensi lain. Selain daripada aktiviti pembersihan kawasan, aktiviti larviciding juga dijalankan bagi menghapuskan larva nyamuk Aedes.
- vii. Meningkatkan aktiviti pendidikan kesihatan oleh Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia sama ada melalui media cetak dan elektronik seperti di akhbar-akhbar tempatan, radio dan juga televisyen. Ini juga termasuk penggunaan media sosial seperti *facebook*, *whatsapp*, *twitter* dan sebagainya untuk meningkatkan penglibatan masyarakat.
- viii. Memperkukuhkan Program Bebas Denggi yang melibatkan institusi seperti Program Bebas Denggi di Sekolah dan juga di IPTA/IPTS oleh Kementerian Pendidikan. Ini juga termasuk melaksanakan Program Bebas Denggi di tempat kerja oleh kementerian dan juga lain-lain jabatan serta agensi.
- ix. Meningkatkan kerjasama dengan syarikat swasta melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam melaksanakan aktiviti pencegahan denggi melibatkan pelajar, contohnya program *Dengue Patrol* dan penglibatan komuniti seperti *Dengue Free Malaysia Movement*.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN AHMAD MARZUK  
BIN SHAARY [ BACHOK ]**

**SOALAN : 360**

**YB Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Bachok ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah manfaat yang boleh diperolehi oleh penjawat awam yang memilih meletakkan jawatan sebelum cukup usia 10 tahun dalam perkhidmatan Kerajaan untuk bertanding dalam Pilihanraya. Apakah jenis manfaat hasil perkhidmatan bersama majikan lamanya bakal diperolehi sekiranya beliau memenangi pilihanraya tersebut sama ada Parlimen atau DUN.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pegawai yang menamatkan perkhidmatannya melalui perletakan jawatan tidak layak untuk menerima faedah persaraan iaitu ganjaran (sekaligus), pembayaran tunai bagi gantian cuti rehat (GCR) (sekaligus) dan pencen bulanan.

Walau bagaimanapun, beliau layak memperoleh caruman Kerajaan serta caruman sendiri di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), termasuk dividen mengikut Undang-undang KWSP.

Pegawai adalah layak menerima faedah persaraan sekiranya bersara pilihan di bawah Undang-undang Pencen. Syarat-syarat bagi pegawai untuk bersara pilihan ialah:

- i. telah disahkan dalam jawatan;
- ii. telah diluluskan Pemberian Taraf Berpencen (PTB);
- iii. berumur 40 tahun ke atas;
- iv. mempunyai tempoh perkhidmatan tidak kurang daripada 10 tahun yang boleh dimasukira;
- v. permohonan persaraan pilihan disokong oleh Ketua Jabatan; dan
- vi. perlu mengemukakan laporan tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

## **SULIT**

Samada seseorang memenangi pilihanraya ataupun tidak, perkhidmatan lepas beliau dengan Kerajaan tidak mendatangkan faedah persaraan (selain caruman KWSP) sekiranya beliau meletakkan jawatan.

Sekian. Terima kasih.